

Dewan Rakyat lulus Belanjawan 2021

Percubaan blok pembangkang gagalkan rang undang-undang tak berjaya

Oleh Rohaniza Idris
dan Luqman Arif Abdul Karim
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Belanjawan 2021 diluluskan di Dewan Rakyat, semalam apabila bacaan kali ketiga Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2021 (Belanjawan 2021) diputuskan menerusi undian belah bahagian.

RUU Perbekalan itu diluluskan selepas bacaan kali ketiga oleh Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz yang menyaksikan 111 Ahli Parlimen menyokong, 108 menolak dan seorang tidak hadir.

Difahamkan Ahli Parlimen yang tidak hadir adalah Tengku Razaleigh Hamzah (BN-Gua Musang).

Kejayaan meluluskan Belanjawan 2021 itu secara jelas menolak dakwaan bahawa PN akan tumbang semalam, dan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mungkin kehilangan jawatannya.

Sebelum itu, cubaan ahli Parlimen blok pembangkang untuk menggagalkan rang undang-undang berkenaan ketika selesai penggulungan usul di peringkat jawatankuasa, juga tidak berhasil apabila undi belah bahagian menyaksikan keputusan sama iaitu 111-108, dengan satu Ahli Parlimen tidak hadir.

Detik yang cukup mendebarkan itu bagaimanapun berakhir sebaik keputusan undian diumumkan oleh Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Azhar Azizan Harun.

"Maka, usul RUU Perbekalan 2021 ini disetujukan," katanya disahut dengan tepukan meja oleh penyokong kerajaan.

Terdahulu, Tengku Zafrul bangun untuk mengemukakan permintaan supaya usul RUU Perbekalan 2021 dibacakan kali ketiga dan diluluskan.

"Bahawa dewan ini, mengikut subseksyen 4 (3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 406), membuat ketetapan laju suatu jumlah wang tidak lebih daripada RM69 billion dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2021.

"Dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau 'P' dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021.

"Yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 Tahun 2020, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan ju-

mlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai berkenaan," katanya.

RUU Perbekalan itu kini akan dibawa ke Dewan Negara untuk dibahas.

Dewan Rakyat mempunyai 222 kerusi, namun kini mempunyai 220 anggota berikutan kematian dua Ahli Parlimen iaitu Gerik, di Perak dan Batu Sapi, di Sabah.

Oleh itu, 111 undi adalah diperlukan untuk majoriti mudah.

Sementara itu, Ahli Parlimen Tapah yang juga Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan serta P Prabakaran (PH-Batu) mengundi dari Galeri Awam kerana masih dalam kuarantin COVID-19 dengan memakai pakaian perlindungan diri (PPE) selepas menjadi kontak rapat kepada kes positif COVID-19.

Sebelum ini, persidangan Dewan Rakyat menjadi tumpuan terutama ketika RUU itu diluluskan di peringkat dasar pada 26 November lalu menerusi undian suara majoriti selepas melalui tempoh 10 hari perbahasan dan penggulungan oleh setiap kementerian.

Ini diikuti pembentangan di peringkat jawatankuasa yang menyaksikan sembilan kementerian berdepan proses undi belah bahagian sebelum diluluskan iaitu Kementerian Kewangan; Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi; Kementerian Wilayah Persekutuan; dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Turut melalui proses undi belah bahagian ialah Jabatan Perdana Menteri; Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya; Kementerian Pengangkutan; Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan; serta Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

Peruntukan mencecah RM322.5

billion dicadangkan di bawah belanjawan berkenaan, iaitu jumlah terbesar dalam sejarah negara, bagi membantu kerajaan mende-pani pandemik COVID-19 dan impaknya terhadap kehidupan rakyat dan ekonomi negara.



billion dicadangkan di bawah belanjawan berkenaan, iaitu jumlah terbesar dalam sejarah negara, bagi membantu kerajaan mende-pani pandemik COVID-19 dan im-paknya terhadap kehidupan rakyat dan ekonomi negara.

Kelmarin pula, di luar Dewan Rakyat, Majlis Setiausaha Pakatan Harapan (PH) menegaskan, pengumuman dan penggulungan Belanjawan 2021, baru-baru ini di-lihat tidak memenuhi apa dimo-hon dan diharapkan Ahli Parli-men serta tidak menepati hara-pan rakyat.

Mereka menyatakan akan mengundi belah bahagian pada ba-caan kali ketiga, semalam.

Kerajaan juga berhadapan de-nan kumpulan Tun Dr Mahathir Mohamad (BEBAS-Langkawi) yang jelas kelmarin menyatakan akan menolak Belanjawan 2021. Kumpulan Dr Mahathir ini termasuklah tiga lagi Ahli Parlimen iaitu Datuk Seri Mukhriz Mahathir (BEBAS-Jerlun), Datuk Ami-ruddin Hamzah (BEBAS-Kubang Pasu) dan Datuk Dr Shahruddin Md Salleh (BEBAS-Sri Gading).

Malah, kerajaan dilihat kehi-langan satu undi sokongan apa-

bila Tengku Razaleigh dalam si-dang media bersama Dr Mahathir semalam secara terbuka mengisy-tiharkan tidak akan mengundi.

Berdasarkan undian belah ba-hagian bagi sembilan kemente-rian, Tengku Razaleigh atau Ku Li sering tidak terabit dalam pengundian atau tidak hadir.

Langkah menukar kerajaan itu difahamkan sepatutnya tercetus semalam, menerusi peralihan so-kongan lapan Ahli Parlimen dari UMNO yang juga dikatakan me-nyebelahi 'kem' Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Bagaimanapun, percaturan se-demikian sekadar menjadi 'kha-bar angin' apabila beberapa Ahli Parlimen berkenaan tampil menafikan dakwaan terbabit, malah na-sib sama berlaku terhadap akuan bersumpah (SD) yang kononnya dimiliki Presiden PKR itu.

Sekiranya dihitung, sekurang-kurangnya empat percubaan untuk menggugat pentadbiran kerajaan diterajui PN - iaitu tiga kali daripada Anwar yang mengaku mempunyai majoriti sokongan Ahli Parlimen dan terbaru kel-marin, menerusi pakatan antara Dr Mahathir dan Tengku Razaleigh - yang semuanya gagal di-terjemahkan.

Sebelum ini sebaik Belanjawan 2021 diluluskan di peringkat dasar; Anwar mengeluarkan kenyataan bahawa PH sama sekali tidak akan memberi lajuan mudah un-tuk meluluskan RUU di peringkat jawatankuasa, namun perkara itu juga tidak menjadi kenyataan sehinggalah semalam.

Sementara itu, beberapa penga-nalisis ekonomi menyifatkan ke-lulusan Belanjawan 2021 di Dewan Rakyat sebagai petanda positif terhadap usaha berterusan kera-jaan dalam memulihkan ekonomi negara yang terkesan susulan

pandemik COVID-19.

Ketua Unit Penyelidikan Risiko Ekonomi dan Politik Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Ma-dya Dr Irwan Shah Zainal Abidin, berkata tumpuan selepas ini perlu diberikan kepada fasa pemulihan ekonomi negara.

"Cabarani virus COVID-19 ini bukan salah kerajaan yang ada, jadi kenapa perlu berpolitik dengan menolak Belanjawan ini yang akhirnya boleh menyusah-kan rakyat dan mengakibatkan keadaan politik tidak stabil," ka-tanya dihubungi BH.

Berkongsi pendapat dengannya, Ketua Ahli Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzani-zam Abdul Rashid, berkata fasa memastikan proses pemulihran ekonomi diurus dengan baik.

"Ini juga dapat memberi sun-tikan positif dari segi sentimen dalam kalangan pengguna dan pe-niaga serta pelabur berikutnya pe-laksanaan belanjawan untuk memberi manfaat kepada semua pihak," katanya.

Penganalisis politik dari Uni-versiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain pulak berpendapat, Belanjawan 2021 yang lulus dengan kelebihan hanya tiga undi di De-wan Rakyat semalam, menunjuk-kan kedudukan kerajaan ketika ini sedikit tergugat berikutan ti-dak mempunyai mandat selesa.

"Memang jelas sokongan ke-pada kerajaan agak genting. Jadi, perlu ada kompromi dengan pi-hak pembangkang untuk dapatkan lagi sokongan.

"Kerajaan perlu libatkan ker-jasama pembangkang khususnya dalam perhincangan berkaitan pentadbiran kerajaan PN untuk menjamin sokongan termasuk dengan UMNO," katanya.



Reaksi Ahli Parlimen blok kerajaan selepas Dewan Rakyat meluluskan Rang Undang-Undang Perbekalan (Belanjawan) 2021 bacaan kali ketiga di Bangunan Parlimen, semalam.

[Foto ihsan Jabatan Penerangan]